

Prinsip-Prinsip Syariah dalam Aktiviti Muamalat

Syaria Principles in Muamalat Activities

Hamidi Abdul Ghani¹ & Nasron Yaacob²

¹ (Corresponding Author) Department of al-Syariah, Sultan Ismail Petra International Islamic College, Nilam Puri, 15730, Malaysia, e-mail: al_humaidi011@yahoo.com

² Department of Usuluddin, Sultan Ismail Petra International Islamic College, Nilam Puri 15730, Malaysia, e-mail: drnasron@gmail.com

ABSTRAK

Muamalat merupakan satu sistem kewangan dan ekonomi yang menjadi peraturan dalam kehidupan ekonomi masyarakat Muslim. Sistem ekonomi dan kewangan dunia sekarang sentiasa mengalami perubahan dan pembaharuan, dan sistem muamalat amat memerlukan peraturan baharu yang sesuai dengan perubahan yang berlaku. Bagi mengurus dan memenuhi keperluan dalam perubahan ekonomi tersebut, sistem muamalat yang menguruskannya itu perlu memiliki prinsip-prinsip yang dapat disesuaikan dengan masa dan keperluan masa kini. Dan dalam masa yang sama, sistem tersebut juga perlu selari dan tidak bercanggah dengan hukum syarak. Justeru artikel ini akan memapar dan membentangkan prinsip-prinsip tersebut dan penjelasan berkenaan dalil dan ulasan syarak yang menjadi kayu ukur dalam pembentukan terasnya. Objektif penulisan artikel ini adalah mengenal pasti prinsip-prinsip syariah yang menjadi teras dan amalan dalam sistem muamalat Islam. Pemakluman tentang prinsip-prinsip itu akan dapat dijadikan kayu ukur ketepatan sistem kewangan masa kini dengan hukum syarak. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang merujuk pada sumber dokumentasi yang muktabar untuk menjelas dan mengupas tentang prinsip-prinsip syariah dalam sistem muamalat Islam. Hasil kajian dapat merumuskan bahawa prinsip-prinsip syariah dalam sistem muamalat Islam adalah selari dengan ketetapan syarak dan ia perlu menjadi suatu panduan terhadap semua urusan yang berkaitan dengan ekonomi dan kewangan khususnya dalam hal-hal berkaitan dengan urusan ekonomi umat Islam.

Kata Kunci: Prinsip; Syariah; Aktiviti; Muamalat

ABSTRACT

Muamalat is a financial and economic system that become the rules in the life of Muslims. The world's economic and financial system is now constantly changing and renewal, and the muamalat system is in need for new rules that are in line with the changes occur. To manage and meet the needs of the economic change, the muamalat system that manages it needs to have the principles that can be adapted to the present time and needs. And at the same time, the system also needs to be

parallel and does not conflict with Islamic law. Hence, this article will reveal and present these principles and explanations on the proof and law (Islamic) reviews as the barometer in the basis formation. The objective of this written article is to identify the principles of Sharia which become the core and practice in Islamic muamalat systems. Declaration of these principles will be able to measure the validity of the current financial system with the Islamic law. This study is a qualitative study that sourcing from reliable documentation to elaborate and examine the Shariah principles in the Islamic muamalat system. The results of the study conclude that Sharia principles in the Islamic muamalat system are in line with Islamic resolution and it should be a guide to any aspects related to the economy and finance, mainly in the parts which involving the economic affairs of the Muslims.

Keywords: Principles; Sharia; Activity; Muamalat

1. Pendahuluan

Muamalat ialah aktiviti yang melibatkan perhubungan tatacara atau peraturan manusia sesama manusia untuk memenuhi keperluan masing-masing dalam bidang ekonomi dan sosial yang berlandaskan syariah Allah SWT. Sebagai satu bidang kehidupan manusia yang berpaksikan ajaran syariah, sudah tentu ia mempunyai prinsip yang menjadi kayu ukur dalam setiap kegiatannya. Justeru artikel ini menyenarai dan membentangkan prinsip-prinsip yang menjadi teras dalam sistem muamalat Islam berdasarkan sumber hukum-hukum yang diakui oleh syariah. Penjelasan seumpama ini sangat diperlukan untuk memastikan keselarisan kegiatan muamalat tersebut adalah benar-benar menepati tuntutan syarak. Ia juga bertujuan membezakan prinsip-prinsip dalam kegiatan muamalat Islam dengan prinsip-prinsip kegiatan ekonomi konvensional.

Dalam bahasa Arab, *mu'āmalah* atau kata jamaknya *mu'āmalāt* bererti urusan hidup secara umum. Pengertian inilah juga kemudiannya digunakan dalam bahasa Melayu. Mengikut Kamus Dewan (2000), perkataan muamalat ialah segala perkara atau hal yang tergolong dalam atau yang berkaitan dengan bidang masyarakat. Al-Zuhaylī (1989) dalam bukunya *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh* telah membahagikan hukum-hukum amali dalam syariat Islam kepada dua bahagian, iaitu ibadat dan muamalat. Beliau selanjutnya membahagikan hukum muamalat kepada bahagian yang lebih kecil seperti perlembagaan, sivil, kekeluargaan, jenayah, acara, antarabangsa, ekonomi, kewangan dan tingkah laku (baik dan buruk). Pembahagian yang serupa juga telah dibuat oleh ramai para penulis hukum Islam sebelum beliau seperti Khallāf (1950), Madkūr (1964) dan Badrān (1973). Dalam penulisan klasik hukum Islam, pembahagian hukum amali kepada dua bahagian ini juga terdapat dalam sesetengah buku metodologi hukum Islam (*uṣūl fiqh*) seperti

dalam kitab *al-Muwāfaqāt* karangan al-Syāṭibī (1997). Bagaimanapun, istilah *mu'āmalāt* tidak digunakan, kerana istilah yang digunakan ialah *'ādāt* (Borham, 1999). Malah istilah-istilah *'ibādāt* dan *jināyāt* juga masih tidak digunakan sebagai satu istilah dalam bidang hukum-hakam syariah Islam. Apa yang disebut dalam penulisan-penulisan tersebut sebagai istilah-istilah kepada kelompok-kelompok hukum tertentu adalah yang lebih khusus daripada itu, seperti sembahyang dan puasa, jual beli dan syarikat, diyat, hudud dan seumpamanya (Borham, 1999).

Dalam penulisan hukum Islam baru, muamalat sebenarnya lebih merujuk kepada aktiviti yang melibatkan harta sahaja. Muamalat ialah satu ilmu yang disusun untuk membolehkan pertukaran harta dan manfaat sesama manusia melalui akad-akad dan *iltizāmāt* (kewajipan). Syibir (1999) juga menjelaskan bahawa muamalat ialah hukum-hukum syarak yang disusun untuk membolehkan urusan tentang harta sesama manusia dan ia meliputi pertukaran harta seperti jual beli dan sewaan, sukarela menderma harta seperti *hibah* (hadiah), *waqf*(wakaf) dan wasiat, menggugurkan hak harta seperti menggugurkan hutang dan perkongsian, amanah seperti gadaian, jaminan dan pemindahan hutang. Maka istilah moden muamalat masa kini lebih merujuk hanya kepada sistem kewangan Islam (Yusoff, 2015) atau melibatkan pengurusan harta sahaja (Syibir, 1999). Muamalat juga adalah terjemahan kepada aktiviti ekonomi syariah berkaitan pertukaran antara barangan dan bermanfaat melalui cara jual beli, sewaan, upahan, pinjaman, urusan bercucuk tanam, berkongsi dan sebagainya (Haron Din, *et. al.*, 1988). Justeru itu kajian artikel di sini akan memfokuskan pengertian muamalat yang merujuk kepada kegiatan ekonomi menurut syariah Islam.

Objektif penulisan artikel ini adalah mengenal pasti prinsip-prinsip syariah yang menjadi teras dan amalan dalam sistem muamalat Islam. Prinsip-prinsip tersebut akan dikuatkan dengan dalil-dalil al-Quran dan hadis sahih bagi menjamin keaslian sumber rujukannya. Berbekalkan prinsip-prinsip ini, tasawur atau gambaran berkenaan kegiatan muamalat Islam akan dapat dibanding dan dinilai dengan sistem ekonomi dan kewangan konvensional. Hal ini dapat memberi pilihan kepada setiap pengguna ekonomi peringkat nasional untuk memilih sistem ekonomi dan kewangan yang paling ideal. Hasil pembentangan artikel diharap boleh menjadi garis panduan kepada batasan aktiviti ekonomi dan kewangan mengikut batasan syariah dan muamalat Islam. Masyarakat juga sepatutnya dapat memahami cakna syariah Islam dan menghargainya bahawa Islam sangat menitikberatkan kebajikan dan kepentingan keperluan ekonomi manusia.

2. Metodologi Kajian

Kajian ini adalah berasaskan kajian kualitatif, dan pengumpulan data kajian ini adalah merujuk dokumentasi berbentuk buku, penulisan artikel, rencana

dan seumpamanya yang boleh memberikan maklumat kualitatif yang diperlukan. Kajian ini boleh menjadi kayu ukur urusan muamalat hari ini pada menentukan keselariannya dengan batas syariah Islam. Ia juga dapat memperkemaskan lagi penampilan model muamalat yang ideal dengan keperluan sebenar agama dan masyarakat. Hasil dapatan kajian artikel ini akan dapat menjelaskan maklumat berkaitan prinsip-prinsip syariah yang perlu menjadi teras kepada bidang muamalat. Pengetahuan mengenai prinsip-prinsip ini dapat mengawal urusan agar tidak keluar dari landasan syariah yang sebenar. Sistem ekonomi ummah juga akan berkembang baik selaras dengan kehendak agama.


3. Dapatan Kajian

Prinsip ialah asas atau dasar yang menjadi pokok sesuatu pemikiran, kajian dan tindakan (Baharom et. al, 2000). Definisi syariah pula menurut Muhammad Nasri et. al (2020) yang menukilkan pendapat al-Qaṭṭān dan Abd al-Karīm Zaydān, ialah hukum-hukum yang disyariatkan oleh Allah SWT untuk hambaNya sama ada berkaitan akidah, ibadat, akhlak, muamalat dan sistem hidup dalam pelbagai aspek demi kebahagiaan mereka di dunia dan akhirat. Syariah Islam memiliki prinsip-prinsipnya yang akan bertindak mengawal segala aktiviti yang berlaku dalam bidang muamalat, agar tidak melanggar ketetapan syarak. Syariah Islam sendiri dalam bidang umumnya memiliki dasar-dasarnya seperti mudah, mengurangkan bebanan, seimbang, sesuai dengan keperluan semasa, dan persamaan serta keadilan (Tho'in, 2016). Syariah Islam juga sangat menjaga kemaslahatan umatnya dalam pematuhan kepada hukum-hukum pelaksanaan aktiviti muamalat (Budiono, 2017).

Muamalat digunakan untuk merujuk kepada komunikasi hubungan dalam masyarakat termasuk yang berkaitan bidang politik, ekonomi dan sosial (Abdullah, 2009). Manakala muamalat dari segi disiplin ilmu fiqh, adalah hukum syarak yang sistematik dalam urusan keduniaan yang berkaitan perbuatan manusia, dan hubungan sesama manusia. Justeru aktiviti muamalat ialah melibatkan harta dan kewangan, hak-hak dan penyelesaian sengketa sesama manusia (Othman, Abdullah, Zakaria dan Hanafiah, 2019). Ruang lingkup muamalat dapat dibahagikan kepada muamalat *mādiyyah* yang berkait dengan urusan harta seperti yang disenaraikan di atas, dan muamalat *adabiyah* yang berkait dengan sikap yang menghasilkan rasa meredai, kejujuran, tiada paksaan, penipuan, pemalsuan, penimbunan dan lain-lain lagi (Ghazaly, Ihsan dan Shidiq, 2010). Berdasarkan penjelasan tentang konsep dalam tajuk prinsip syariah dalam aktiviti muamalat, dapatlah dinyatakan bahawa aktiviti muamalat dalam syariah Islam adalah berpaksikan prinsip-prinsipnya yang telah disyaratkan secara langsung dalam sumber syariah Islam iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Umat Islam dilarang menjalankan

aktiviti muamalat yang hanya menuruti kehendak perasaan insani semata-mata tanpa menilainya menurut prinsip syariah Islam. Gambaran rajah prinsip muamalat Islam adalah seperti berikut:

Rajah 1: Prinsip-Prinsip Sistem Muamalat Islam



(Sumber: Hamidi & Nasron, 2021)

4. Perbincangan

Rujukan bagi maklumat dan hukum dalam hal ehwal muamalat adalah berdasarkan prinsip-prinsip yang ditetapkan oleh syariah Islam. Prinsip-prinsip sistem muamalat Islam adalah kebebasan, kerelaan, keadilan dan ihsan, perlindungan, kesopanan, penghapusan riba, pengabdian kepada Allah SWT. Penjelasan berkenaan prinsip-prinsip syariah dalam sistem muamalat Islam adalah seperti berikut:

4.1 Kebebasan

Kebebasan merupakan prinsip yang penting dalam perniagaan (Habibullah, 2018) yang merangkumi kebebasan menjalankan apa jua aktiviti perniagaan yang dapat memenuhi keperluan dan keinginan manusia. Juga kebebasan manusia untuk memilih dan mendapatkan apa jua keinginan yang berbilang-bagai (Rukaini & Yaacob, 2001). Dalam menjamin kebebasan kedua-dua pihak, Islam telah memperundangan *khiyār* (hak memilih) kepada penjual dan pembeli sama ada mahu meneruskan jual beli atau sebaliknya. Penetapan tempoh tertentu dalam *khiyār* memberikan kebebasan kepada penjual dan pembeli (Daud, 1994).

Sabda Rasulullah S.A.W:

الْبَيْعَانِ بِالْخِيَارِ مَا لَمْ يَفْتَرِقَا

Terjemahan: Jual beli antara dua pihak berlandaskan kebebasan memilih selama kedua-duanya belum berpisah.

[*Ṣaḥīḥ Bukhārī*, no. hadith: 2079, Dinilai *ṣaḥīḥ* oleh al-Albānī]

Unsur-unsur paksaan, eksploitasi dan peras ugut amat bertentangan dengan sifat semula jadi dunia perniagaan. Kalau unsur-unsur itu wujud

dalam sesebuah komuniti perniagaan maka hasilnya ialah kelesuan dan kecacatan kegiatan perniagaan. Faktor-faktor negatif ini dengan sendirinya akan menghasilkan kelembapan dan kemerosotan ekonomi secara am dalam sesebuah masyarakat atau negara. Negara-negara industri yang telah mencapai kemajuan yang tinggi telah menjadikan kebebasan sebagai satu dasar pembangunan ekonomi (Salamon, 1992). Namun kebebasan itu bukanlah suatu yang sewenang-wenangnya tetapi hendaklah dikawal dengan mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh syarak.

4.2 *Kerelaan*

Islam juga menjadikan kerelaan, suka sama suka atau keredaan kedua-dua belah pihak sebagai prinsip perniagaan yang selanjutnya (Habibullah, 2018). Untuk menentukan wujudnya kerelaan antara kedua-dua belah pihak, Islam telah menetapkan agar perniagaan itu mestilah mendapat persetujuan bersama antara pembeli dengan penjual. Persetujuan diwujudkan di dalam majlis akad antara penjual dengan pembeli atau wakil masing-masing (Daud, 1994).

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu, dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa mengasihani kamu. (al-Nisā', 4: 29).

Ayat ini menjelaskan dua syarat terpenting dalam perniagaan yang wajib dipenuhi agar sesuatu jual beli dan perniagaan tersebut sah dan diterima oleh Allah ialah dengan persetujuan dan keredaan pihak- pihak yang terlibat dan janganlah ada unsur- unsur kebatilan dalam perniagaan tersebut seperti penipuan, kezaliman, berat sebelah dan sebagainya (Borham, 1999).

4.3 *Keadilan dan Ihsan*

Untuk menjamin kepentingan dan kebajikan sejagat, Islam mementingkan keadilan dalam jual beli (Habibullah, 2018). Sejak awal lagi, keadilan telah ditetapkan oleh Islam dengan menjelaskan tentang kedudukan kekayaan sewajarnya dapat dipergunakan untuk memelihara kepentingan dan kemakmuran sejagat. Untuk tujuan itu, Islam telah menetapkan agar keadilan itu berlaku dalam semua bidang kehidupan dari segi diri, keluarga, sahabat, masyarakat dan negara. Secara khusus dalam perniagaan, Islam telah menetapkan agar cara, barangan dan perbelanjaan itu mestilah berdasarkan

ketentuan syarak. Jika peraturan syarak yang berkaitan jual beli itu dilaksanakan, Islam menjamin terlaksananya keadilan tanpa wujud sebarang keraguan. Islam selanjutnya mewajibkan agar setiap individu yang terlibat dalam perniagaan mempunyai tanggungjawab tertentu tidak kira samaada ia sebagai penjual atau pembeli. Kedua-duanya mempunyai hak dan tanggungjawab yang wajib dilaksanakan (Daud, 1994).

Untuk menjamin agar pemberi hutang itu terjamin, Islam mengharuskan ia menerima barang gadaian sebagai cagaran hutang. Contohnya dalam institusi *al-rahnia* itu satu sistem gadaian Islam di Malaysia, pemberi hutang harus mensyaratkan pelanggannya mencagarkan barang kepunyaan sebagai sandaran kepada hutang itu (Wafa, 2001). Pendek kata setiap individu yang terlibat itu bertanggungjawab untuk melaksanakan fungsi masing-masing. Dengan pelaksanaan fungsi itu tadi, haknya secara automatik tetap terjamin.

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُم لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

Terjemahan: Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Ia mengajar kamu (dengan suruhan dan laranganNya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhiNya. (al-Nahl, 16: 90).

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا

Terjemahan: Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa mendengar lagi sentiasa melihat. (al-Nisā', 4: 58).

Ayat-ayat tersebut sebenarnya menjelaskan bahawa keadilan bermaksud meletakkan sesuatu itu pada yang berhak kepadanya. Misalnya, memberikan timbangan yang tepat, meletakkan harga yang berpatutan, meletakkan kuasa kepada orang yang mampu menjalankan kuasa tersebut dengan tepat dan betul. Keadilan juga membawa implikasi bahawa meletakkan sesuatu kepada yang berhak itu adalah suatu tuntutan yang minimum. Misalnya, memberikan apa yang sepatutnya adalah hanya setakat memberikan yang minimum yang patut diterima. Jumlah yang diberikan itu

pula tidak boleh sedikit pun berkurang, kerana jika berkurang maka yang memberi itu sudah berlaku zalim. Oleh itu, asalkan kita berikan yang minimum kita sudahpun menepati tuntutan keadilan tadi.

i) *Pelaksanaan ihsan*

Rasulullah S.A.W bersabda:

إِنَّ اللَّهَ كَتَبَ الْإِحْسَانَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ فَإِذَا قَتَلْتُمْ فَأَحْسِنُوا الْقِتْلَةَ وَإِذَا ذَبَحْتُمْ فَأَحْسِنُوا الذَّبْحَ

Terjemahan: Sesungguhnya Allah telah menetapkan ihsan pada tiap-tiap sesuatu, maka apabila kamu melaksanakan hukuman mati, maka perelokkan pelaksanaan hukuman mati itu, apabila kamu meyembelih binatang, maka perelokkan sembelihan kamu.

[*Ṣaḥīḥ Muslim*, no. hadith: 5167, Dinilai *ṣaḥīḥ* oleh al-Albānī]

Hadith di atas menjelaskan bahawa Allah telah menetapkan pelaksanaan ihsan dalam semua urusan muamalat manusia termasuk semasa menyembelih binatang dan melaksanakan hukuman qisas. Ihsan yang datang dari perkataan “*ḥasan*” bermaksud menambah keelokan atau menjadikan lebih baik, lebih cemerlang, lebih mantap, lebih sempurna dan sebagainya. Justeru itu, jika adil itu menuntut hanya minimum, ihsan pula menuntut supaya kita memberikan lebih sedikit dari peringkat minimum tadi. Dalam kita menimbang barang, kita berlaku adil jika kita berikan timbangan mengikut apa yang sepatutnya. Kalau kita harus timbang sebanyak sekilogram, maka kita berikan genap- genap sekilogram. Tetapi, untuk berlaku ihsan, kita tambahkan satu gram lagi misalnya. Contoh lain, kita berhutang sebanyak RM 1, 000. Apabila kita bayar, kita tambah sedikit kerana manfaat yang telah kita dapati dari hutang tadi. Firman Allah:

مَنْ دَا الَّذِي يُفْرِضُ اللَّهُ قَرْضًا حَسَنًا فَيُضَاعَفُهُ لَهُ أَضْعَافًا كَثِيرَةً وَاللَّهُ يَقْبِضُ وَيَبْسُطُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ

Terjemahan: Siapakah yang mahu memberi pinjaman kepada Allah, pinjaman yang baik (menafkahkan hartanya di jalan Allah) maka Allah akan melipatgandakan pembayaran kepadanya dengan gandaan yang banyak, dan Allah menyempit dan melapangkan (rezeki) dan kepadaNya kamu dikembalikan. (al-Baqarah, 2: 245)

Konsep *al-qard al-ḥasan* (pinjaman baik) ini telah diguna pakai oleh Muassasah Gadaian Islam Terengganu (MGIT) yang mewajibkan penerima hutang membayar balik jumlah pokok yang dihutangnya tanpa sebarang caj

tambahan (Wafa, 2001). Memberi tempoh penangguhan kepada orang yang berhutang kepada kita, supaya ia tidak tertekan untuk membayarnya juga termasuk sebagai bersikap ihsan. Kesimpulannya, ihsan ini adalah sifat yang dituntut oleh Allah untuk berlaku lebih dari adil. Itu sebabnya dalam al-Quran, Allah menyebut ihsan selepas adil kerana tahap ihsan adalah perlu lebih mengatasi dari keadilan (Borham, 1999).

ii) Cara untuk mencapai keadilan dalam muamalat

Keadilan dalam muamalat khususnya dalam perniagaan boleh dicapai dengan melaksanakan tiga perkara iaitu keikhlasan, kejujuran dan amanah. Sesungguhnya Islam telah mewajibkan agar setiap umat Islam sentiasa ikhlas. Niat yang ikhlas untuk mencari keredhaan Allah mestilah terlebih dahulu disemai dalam hati sanubari setiap umat Islam. Firman Allah S.W.T:

وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ حُنَفَاءَ وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ وَذَلِكَ دِينُ الْقَيِّمَةِ

Terjemahan: Padahal mereka tidak disuruh kecuali supaya menyembah Allah dengan memurnikan ketaatan kepadaNya dalam menjalankan agama yang lurus, dan supaya mereka mendirikan solat dan menunaikan zakat dan yang demikian itulah agama yang lurus. (al-Bayyinah, 98: 5).

Penyemaian itu bermula dari pelaksanaan rukun Islam yang lima atau ibadat khusus atau yang disebut hablumminallah. Selepas itu menjangkau terus ke dalam aspek kehidupan seseorang samaada hubungan manusia dengan manusia atau hubungan manusia dengan alam atau disebut hablumminannas khususnya dalam perniagaan yang lebih dikenali dengan muamalat. Setelah wujud keikhlasan antara penjual dengan pembeli di dalam perniagaan barulah wujud kejujuran. Niat yang ikhlas menjadikan penjual dan pembeli itu sentiasa jujur dalam perkataan, perbuatan dan segala yang berkaitan jual beli. Maka terselamatlah jual beli itu dari penipuan, pendustaan, pemungkiran janji dan sebagainya yang menjamin terlaksananya keadilan dalam perniagaan (Daud, 1994).

Keikhlasan dan kejujuran itu diperkukuhkan lagi dengan sifat amanah. Kepentingannya dalam perniagaan ke arah pementapan keadilan tiada siapa yang dapat menafikannya. Apabila sesuatu syarikat atau peniaga terkenal dengan sifat amanah, maka dengan sendirinya ia menjadi daya tarikan kepada pelanggan dan pengguna. Sifat jujur dan amanah juga asas kukuh bagi memelihara perhubungan antara syarikat dengan pengguna. Islam mengkehendaki setiap penganutnya sentiasa memelihara hak Allah dan hak manusia. Dari segi syara', amanah mempunyai makna yang luas merangkumi semua bidang tanggungjawab dan tugas yang diserahkan ke atas seseorang

(Salamon, 1992). Allah melarang orang mukmin mengkhianat amanah Allah dan Rasul-Nya, dan amanah sesama manusia. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا أَمَانَاتِكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Terjemahan: Wahai orang-orang Yang beriman! janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan RasulNya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya). (al-Anfal, 8: 27)

4.4 Perlindungan

Untuk menjamin kebajikan dan kepentingan pengguna dan masyarakat, Islam telah menjadikan perlindungan sebagai prinsip kegiatan muamalat (Daud, 1994). Perlindungan ini dapat dibahagi kepada dua bahagian iaitu perlindungan hak pengguna dan perlindungan hak masyarakat. Perlindungan hak pengguna ini dapat dibahagikan kepada empat jenis perlindungan iaitu dari penipuan kualiti barang, penipuan kuantiti barang, penjualan barang yang tidak pasti, perolehan keuntungan secara penipuan.

i) Perlindungan Hak Pengguna

Islam mengharamkan penipuan terhadap kualiti barangan dalam semua urusan termasuklah urusan perniagaan dan jual beli. Termasuk dalam pengertian penipuan ini ialah memperdayakan pembeli seperti mencampurkan barangan yang baik dengan yang kurang baik, mempamerkan barangan jualan yang baik tetapi di dalamnya adalah tidak baik. Larangan Nabi SAW terhadap bentuk perniagaan sebegini adalah sebagaimana terjemahan hadis berikut:

أَنَّ النَّبِيَّ مَرَّ عَلَى صُبْرَةِ طَعَامٍ ، فَأَدْخَلَ أَصَابِعَهُ فِيهَا ، فَإِذَا فِيهِ بَلَلٌ ، فَقَالَ : مَا هَذَا يَا صَاحِبَ الطَّعَامِ ؟ ، قَالَ : أَصَابْتُهُ سَمَاءً يَا رَسُولَ اللَّهِ ، قَالَ : فَهَلَّا جَعَلْتَهُ فَوْقَ الطَّعَامِ ، حَتَّى يَرَاهُ النَّاسُ ، مَنْ عَشِنَا فَلَيْسَ مِنَّا .

Terjemahan: Nabi SAW melalui satu longgokan jualan lalu baginda menyeluknya maka didapati jualan bawahnya adalah basah (tidak baik). Nabi SAW pun bertanya: Apa ini wahai penjual? Jawab penjual: Ia basah terkena hujan wahai Rasulullah. Nabi SAW bersabda: Kenapa yang basah tidak diletakkan di atas supaya pembeli tahu? Barang siapa menipumaka dia bukan daripada golongan kami.

[*Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*, no. hadis: 4905, Dinilai *isnād ṣaḥīḥ* oleh Shu‘ayb al-Arna‘ut]

Dalam hadis yang lain Nabi SAWbersabda:

لَا يَحِلُّ لِأَحَدٍ يَبِيعُ شَيْئًا إِلَّا يُبَيِّنُ مَا فِيهِ ، وَلَا يَحِلُّ لِمَنْ يَعْلَمُ ذَلِكَ إِلَّا يُبَيِّنُهُ

Terjemahan: Tidak halal bagi seseorang menjual sesuatu barang jualan melainkan ia telah menjelaskan keadaan barang yang dijualnya, dan tidak harus bagi sesiapa yang mengetahui perkara tersebut (kecacatan pada barang yang dijual) melainkan ia menerangkannya.

[*Aḥmad*, no. hadis: 16109, Dinilai *ḥasan li ghayrihi* oleh al-Albānī]

Dari kenyataan tersebut di atas jelaslah kepada kita Islam menentang penipuan dalam apa jua bentuknya dalam perniagaan. Lebih jauh daripada itu sesuatu barang yang hendak dijual hendaklah diterangkan kekurangan dan keaibannya jika ada yang menyembunyikannya maka ia adalah satu kezaliman. Prinsip ini sebenarnya akan dapat mewujudkan perasaan mesra dan percaya mempercayai antara pembeli dengan penjual. Ia dapat mewujudkan perasaan harmonis dalam masyarakat (Borham, 1999).

Dari aspek penipuan kuantiti barangan, setiap muslim adalah dituntut untuk menegakkan keadilan walaupun ke atas dirinya sendiri atau ke atas orang yang tersayang. Mereka juga dituntut menyampaikan amanah kepada yang berhak tanpa mengira bulu dan kedudukan. Demikianlah juga dalam semua transaksi muamalat Islam , keadilan dan amanah juga dituntut. Haram mengurangkan timbangan, sukatan dan ukuran. Sesiapa yang melakukannya adalah berdosa besar.

فَأَوْفُوا الْكَيْلَ وَالْمِيزَانَ وَلَا تَبْخَسُوا النَّاسَ أَشْيَاءَهُمْ وَلَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا ذَلِكَمُ خَيْرٌ لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ

Terjemahan: Oleh itu sempurnakanlah sukatan dan timbangan dan jangan kamu kurangkan bagi manusia akan benda-benda yang menjadi haknya dan janganlah kamu berbuat kerosakan di muka bumi sesudah Allah menjadikannya (makmur teratur) dengan sebaik- baiknya. Yang demikian itu lebih baik bagi kamu jika betul kamu orang- orang yang beriman. (al-A‘rāf, 7: 85)

Ayat ini memerintahkan kita agar beribadah kepada Allah s.w.t dan mentauhidkanNya, menyempurnakan sukatan dan timbangan, jangan mengurangkan hak orang lain dan jangan melakukan kerosakan di muka bumi. Walaupun ayat ini menceritakan seruan Nabi Syu‘ib a.s kepada

kaumnya secara khusus, tetapi ia juga ditujukan kepada seluruh golongan yang beriman.

وَيَلِّمُ اللَّمُّطَفِينَ . الَّذِينَ إِذَا اكْتَالُوا عَلَى النَّاسِ يَسْتَوْفُونَ . وَإِذَا كَالُوهُمْ أَوْ وَزَنُوهُمْ يُخْسِرُونَ

Terjemahan: Kecelakaan besar kepada orang-orang yang curang dalam timbangan dan sukatan, iaitu mereka yang apabila menerima sukatan (seperti gantang dan cupak) dari orang lain mereka mengambilnya dengan cukup dan sebaliknya apabila mereka menyukat atau menimbang untuk orang lain, mereka kurangnya. (al-Muṭaffifin, 83: 1-3)

وَلَا تَقْرَبُوا مَالَ الْيَتِيمِ إِلَّا بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ حَتَّىٰ يَبْلُغَ أَشُدَّهُ وَأَوْفُوا الْكَيْلَ وَالْمِيزَانَ بِالْقِسْطِ لَا تُكَلِّفُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا وَإِذَا قُلْتُمْ فَاعْدِلُوا وَلَوْ كَانَ ذَا قُرْبَىٰ وَبِعَهْدِ اللَّهِ أَوْفُوا ذَلِكُمْ وَصَّاكُمْ بِهِ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

Terjemahan: Dan janganlah kamu hampiri harta anak yatim melainkan dengan cara yang baik (untuk mengawal dan mengembangkannya) sehingga ia baligh (dewasa serta layak mengurus hartanya dengan sendiri) dan sempurnakanlah segala sukatan dan timbangan dengan adil. Kami tidak memberatkan seseorang dengan kewajiban melainkan sekadar kesanggupannya. (al-An‘ām, 6: 152).

وَأَقِيمُوا الْوَزْنَ بِالْقِسْطِ وَلَا تُخْسِرُوا الْمِيزَانَ

Maksudnya: Dan betulkanlah cara menimbang itu dengan adil, serta jangan kamu mengurangi barang yang ditimbang. (al-Raḥmān, 55: 9).

وَأَوْفُوا الْكَيْلَ إِذَا كِلْتُمْ وَزِنُوا بِالْقِسْطَاسِ الْمُسْتَقِيمِ ذَلِكُمْ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا

Terjemahan: Dan sempurnakanlah sukatan apabila kamu menyukat dan timbanglah dengan timbangan yang adil, demikian itu baik (kesannya bagi kamu di dunia) dan sebaik-baik kesudahan (yang mendatangkan pahala di akhirat). (al-Isrā’, 17: 35).

Demikianlah beberapa potong ayat yang menjelaskan bahawa Islam mewajibkan agar jual beli dan perniagaan dilakukan dengan adil dan setiap kezaliman hendaklah dielakkan. Timbangan, ukuran, sukatan dan kiraan hendaklah disempurnakan (Borham, 1999).

Setiap jual beli dalam sesuatu perniagaan hendaklah tidak mengandungi unsur-unsur *gharar* (penipuan) kerana akad jual beli tersebut boleh menimbulkan pertelingkahan. Ini kerana barangan yang dibeli itu tidak diketahui dan boleh berlaku penipuan seperti menjual ikan di dalam kolam yang tidak diketahui besar kecilnya, jenis dan rupa serta tidak dapat

dipastikan yang mana satu. Termasuk anak lembu yang masih di dalam kandungan atau burung yang terbang di udara. Jual beli seperti ini adalah haram kerana ia boleh menimbulkan pertelingkahan dan penipuan serta perkara yang dijual itu tidak boleh dipastikan (Borham, 1999).

كَمْ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ بَيْعِ الْغَرَرِ

Terjemahan: Rasulullah SAW melarang dari menjalankan aktiviti perniagaan yang ada unsur ketidakpastian.

[*Ṣaḥīḥ* Muslim, no. hadis: 1513, Dinilai *ṣaḥīḥ* oleh al-Albānī]

Walaupun demikian, bukanlah semua jual beli yang mengandungi unsur gharar ini diharamkan kerana ada juga barangan yang dijual itu tidak terlepas daripada unsur gharar seperti seseorang yang membeli rumah yang tidak berkesempatan melihat asas binaannya atau melihat kandungan bancuhan tembok rumahnya, sedangkan jual beli rumah tersebut adalah sah. Gharar seperti ini tidaklah keterlaluan dan tidak akan menimbulkan pertelingkahan. Yang demikian unsur gharar yang sedikit jika terdapat dalam sesuatu jual beli adalah diharuskan. Ukuran sedikit atau tidak, terpulanglah kepada adat kebiasaan (Qaraḍāwī, 1969).

Peniaga yang pintar tetapi tidak berakhlak dan kurang imannya sentiasa mengambil kesempatan daripada kelemahan dan kekurangan orang lain dengan menggunakan berbagai-bagai cara dan tipu-helah perniagaan dengan tujuan mengaut keuntungan yang besar, seperti perniagaan dengan cara *najash* dan *talaqqīrubbān*. Maksud perniagaan cara *najash* ini ialah seseorang yang berlagak seolah-olah ingin membeli sesuatu barangan dengan harga yang tinggi sedangkan ia tidak berniat untuk membelinya. Tujuan sebenarnya ialah supaya bakal pembeli yang sebenar akan membelinya dengan harga yang lebih tinggi lagi. Perbuatannya tadi hanyalah sebagai helah perniagaan dan harga yang ditawarkan dengan mahal tadi hanyalah sebagai umpan. Ini banyak berlaku dalam jual beli cara lelong. Rasulullah SAW bersabda:

لَا تَحَاسَدُوا وَلَا تَنَاجَشُوا وَلَا تَبَاغَضُوا وَلَا تَدَابَرُوا وَلَا يَبِعْ بَعْضُكُمْ عَلَى بَعْضٍ

Terjemahan: Janganlah kamu saling dengki mendengki, saling menipu, benci-membenci, saling membelakangi dan janganlah sebahagian dari kamu menjual atas penjualan orang lain.

[*Ṣaḥīḥ* Muslim, no. hadis: 6706, Dinilai *ṣaḥīḥ* oleh Syu‘ayb al-‘Arna‘uṭ]

Talaqqīrubbān pula ialah apabila seseorang yang datang dari bandar mengetahui kedatangan orang luar bandar membawa barangan untuk

diperniagakan di bandar, lalu dia membeli barangan tersebut dengan harga yang lebih murah daripada harga yang sewajarnya. Dia akan menjualnya dengan harga yang mahal sebelum orang luar bandar tadi mengetahui harga pasaran yang sebenar. Kedua-dua jenis perniagaan ini walaupun sah tetapi ia berdosa kerana melakukan tipu helah perniagaan dan berlaku zalim dalam mengambil keuntungan serta mengambil kesempatan daripada kelemahan orang lain (Borham, 1999).

ii) *Perlindungan Hak Masyarakat*

Untuk melindungi kepentingan dan kebajikan masyarakat, Islam telah melarang agar tidak berlaku monopoli barang. Walaupun Islam menjamin pasaran bebas dan individu mempunyai kebebasan untuk berniaga tanpa gangguan dan persaingan adil dalam perniagaan adalah dijamin, tetapi Islam tetap menolak sifat mementingkan diri dan mengambil kesempatan, mengeksploitasi keadaan didorong oleh tamak haloba, sehingga menyusah dan menyulitkan orang ramai dengan menyorokkan makanan keperluan asasi rakyat agar harganya melambung tinggi. Apabila harganya telah melambung tinggi pada masa itu barulah dijualnya makanan asasi orang ramai tersebut. Dengan itu, orang ramai terpaksa membeli makanan asasi tadi dengan harga yang mahal dan tidak berpatutan. Perbuatan *ih tikār* (monopoli) ini adalah haram sebagaimana penejelasan terjemahan hadis berikut:

لَا يَحْتَكِرُ إِلَّا خَاطِئٌ

Terjemahan: Orang yang melakukan *ih tikār* ini adalah salah (berdosa).

[*Ṣaḥīḥ Muslim*, no. hadis: 4207; *Sunan Abī Dāwūd*, no. hadis: 3449; *Sunan Ibn Mājah*, no. hadis: 2154, Dinilai *ṣaḥīḥ* oleh al-Albānī]

Daripada keterangan di atas semakin jelas kepada kita bahawa kejayaan perniagaan bukan hanya untuk mendapatkan keuntungan yang maksimum dengan modal yang minimum dalam masa yang pendek, tetapi kejayaan yang sebenar ialah ibadah niaga diterima oleh Allah SWT, perkhidmatan kepada masyarakat dan keuntungan yang munasabah (Borham, 1999).

4.5 *Kesopanan*

Islam juga menjadikan kesopanan, kesusilaan, hubungan yang baik, berbudi bahasa, bertolak ansur dan lain-lain sebagai prinsip muamalat Islam yang selanjutnya. Penjual dan pembeli mempunyai tanggungjawab dan berhak

untuk mendapatkan layanan yang baik antara satu sama lain (Habibullah, 2018). Hal ini dijelaskan oleh Allah S.W.T dalam firmanNya:

وَقُولُوا لِلنَّاسِ حُسْنًا

Terjemahan: Dan katakanlah kepada sesama manusia perkataan-perkataan yang baik. (al-Baqarah, 2: 83)

Begitu juga sabda Rasulullah SAW:

رَحِمَ اللَّهُ رَجُلًا سَمَحًا إِذَا بَاعَ ، وَإِذَا اشْتَرَى ، وَإِذَا افْتَضَى

Terjemahan: Allah memberi rahmat kepada seseorang yang baik layanannya ketika menjual, membeli dan meminta hutang.

[*Ṣaḥīḥ Bukhārī*, no. hadis: 2076, Dinilai *ṣaḥīḥ* oleh Shu‘ayb al-Arna‘uṭ]

Dalam perniagaan, bukan sahaja pertukaran barang dengan barang, barang dengan wang, perkhidmatan dengan wang dan sebagainya, tetapi perlaksanaan proses perniagaan itu juga penting. Dengan menggunakan budi bahasa yang lembut, manis muka, layanan yang baik dan sebagainya menjadikan perniagaan itu sesuatu yang menyeronokkan dan menggembirakan. Hal ini disebabkan perniagaan diperlukan oleh setiap individu seumur hidupnya dan pada setiap tempat. Dengan mewujudkan hubungan yang baik antara penjual dengan pembeli menjadikan perniagaan sebagai sesuatu yang bukan sahaja menyempurnakan keperluan fizikal seseorang malah memperkukuhkan hati dan jiwa seseorang.

Islam juga sentiasa menggalakkan agar penjual dan pembeli sentiasa mempunyai sikap terbuka, saling memaafkan, suka menolong dan bersedia meringankan beban orang lain tidak kira dari pihak penjual atau pembeli. Sesungguhnya pada ketika dan tempat yang tertentu perniagaan merupakan urusan yang tersibuk di dunia. Ia menyebabkan kepenatan yang berlebihan pada penjual. Sedangkan pembeli pula sentiasa mahukan layanan segera. Justeru itulah sikap terbuka, saling memaafkan, suka menolong dan bersedia bertimbang rasa diperlukan. Jika tidak, hubungan baik antara peniaga dengan pelanggan mudah terjejas. Penjual dan pembeli sentiasa saling perlu-memerlukan. Justeru itulah hubungan yang baik perlu diwujudkan dan sebarang pihak tidak boleh memutuskan hubungan kerana pada satu ketika mereka saling memerlukan. Islam telah menetapkan prinsip kesopanan sebagai pemelihara dan pengukuh hubungan penjual dan pembeli untuk menjaga kebajikan dan kepentingan mereka bersama (Daud, 1994).

4.6 Penghapusan Riba

Riba adalah amalan yang dikutuk oleh Allah SWT firmanNya:

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِّ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا
إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ الرِّبَا وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا فَمَنْ جَاءَهُ مَوْعِظَةٌ مِنْ رَبِّهِ فَانْتَهَى فَلَهُ مَا سَلَفَ
وَأَمْرُهُ إِلَى اللَّهِ وَمَنْ عَادَ فَأُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ

Terjemahan: Orang-orang Yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang Yang dirasuk Syaitan Dengan terhuyung-hayang kerana sentuhan (Syaitan) itu. Yang demikian ialah disebabkan mereka mengatakan: "Bahawa Sesungguhnya berniaga itu sama sahaja seperti riba". padahal Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba. oleh itu sesiapa Yang telah sampai kepadanya peringatan (larangan) dari Tuhannya lalu ia berhenti (dari mengambil riba), maka apa Yang telah diambilnya dahulu (sebelum pengharaman itu) adalah menjadi haknya, dan perkaranya terserahlah kepada Allah. dan sesiapa Yang mengulangi lagi (perbuatan mengambil riba itu) maka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya. (al-Baqarah, 2: 275)

Demikian juga sabda Rasulullah SAW:

لَعَنَ اللَّهُ آكِلَ الرِّبَا ، وَمُوكَلَّهُ ، وَشَاهِدَيْهِ ، وَكَاتِبَهُ

Terjemahan: Rasulullah SAW melaknat penerima riba (pemakan riba), pemberi riba, dua orang saksi riba dan penulis riba.

[Ahmad, no. hadis: 3809, Dinilai *ṣaḥīḥ* oleh al-Albānī]

Dari ayat al- Quran dan hadith di atas nyatalah betapa besarnya dosa orang yang terlibat dengan amalan riba; oleh kerana riba merupakan saatu penindasan dari golongan kaya ke atas golongan miskin di dalam sesebuah masyarakat. Ini merupakan satu penyakit dalam masyarakat yang melibatkan perasaan tidak puashati golongan miskin terhadap golongan kaya, keadaan ini boleh menimbulkan berbagai angkara jenayah seperti merompak, menyamun, mencuri dan sebagainya. Oleh yang demikian Islam mengharamkan riba sebagai satu langkah membanteras gejala-gejala tersebut serta mewujudkan suasana perpaduan, harmoni dan persefahaman di antara semua anggota masyarakat (Mansor, 1984).

Umumnya mengikut ulama, riba itu mempunyai tiga jenis. Satu daripadanya ialah yang asal dan dua jenis lagi merupakan bayangannya atau pengikutnya. Jenis riba asal ini dikenali dengan Riba Hutang Piutang atau

Riba al-Nasi'ah atau dikenali juga sebagai Riba al-Jahiliyyah. Para ulama sejak dari dahulu hingga sekarang telah sepakat mengatakan bahawa riba jenis asal ini adalah haram tanpa pengecualian. Adapun riba jenis kedua itu mereka berselisih pendapat dengan sebahagian daripada mereka cuba menyempitkan ruang lingkup pengertiannya dan sebahagian pula memperluaskannya (Ab. Ghani, 1999).

Institusi riba di Malaysia dipaksakan ke atas semua warganegara yang aktif dalam perdagangan dan dalam sektor-sektor lain dalam ekonomi kerana rakyat kurang arif dan kurang sedar tentang bahayanya (dari segi agama dan masyarakat). Kalimat dipaksa digunakan kerana pihak kerajaan mempunyai kemampuan untuk mengadakan usaha-usaha positif ke arah mewujudkan institusi-institusi kewangan yang tidak menggunakan sistem riba untuk menggantikan sistem yang ada. Unsur-unsur riba ini terdapat dalam semua aktiviti bank, syarikat kewangan, syarikat insuran, pelaburan, pajak gadai, ceti dan lain-lain.

4.7 *Pengabdian Kepada Allah*

Manusia diciptakan oleh Allah untuk mengabdikan diri kepadaNya dalam semua aspek kehidupan manusia bukan sahaja dalam aspek amalan agama seperti sembahyang dan puasa. Sesibuk mana seseorang itu menjalankan aktiviti muamalat dan mencari rezeki, tuntutan ibadat khusus tidak boleh diabaikan. Allah s.w.t memerintahkan supaya aktiviti muamalat dihentikan pada hari Jumaat semata-mata untuk menunaikan solat Jumaat. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا نُودِيَ لِلصَّلَاةِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَاسْعَوْا إِلَىٰ ذِكْرِ اللَّهِ وَذَرُوا الْبَيْعَ ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ . فَإِذَا قُضِيَتِ الصَّلَاةُ فَانْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِنْ فَضْلِ اللَّهِ وَاذْكُرُوا اللَّهَ كَثِيرًا لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Terjemahan: Wahai orang-orang Yang beriman! apabila diserukan azan (bang) untuk mengerjakan sembahyang pada hari Jumaat, maka segeralah kamu pergi (ke masjid) untuk mengingati Allah (dengan mengerjakan sembahyang jumaat) dan tinggalkanlah berjual-beli (pada saat itu); Yang demikian adalah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui (hakikat Yang sebenarnya). Kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah apa Yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah, serta ingatlah akan Allah banyak-banyak (dalam Segala keadaan), supaya kamu berjaya (di dunia dan di Akhirat). (al-Jumu'ah, 62: 9-10)

Demikianlah Allah SWT telah mencela perbuatan mereka yang mengabaikan kewajipan agama kerana urusan perniagaan. Walaupun perniagaan digalakkan oleh Islam, malahan ia merupakan fardhu kifayah, tetapi adab perniagaan hendaklah dijaga dan kewajipan agama yang lain janganlah diabaikan. Melalui ayat-ayat di atas, Allah SWT memerintahkan umat Islam segera ke tempat solat Jumaat sebaik-baik sahaja mendengar seruan azan serta meninggalkan kerja masing-masing seperti berjual beli dan kerja-kerja yang lain, untuk pergi ke masjid mendengar khutbah dan mengerjakan solat jumaat itu. Setelah selesai solat, mereka digalakkan meneruskan usaha mencari rezeki seperti berniaga sambil mengingati Allah s.w.t banyak-banyak dalam segala keadaan. Mereka yang mematuhi ajaran Allah yang demikian akan beroleh kejayaan dan kebahagiaan di dunia dan akhirat (Borham, 1999).

Selain dari menjaga kewajipan sembahyang yang merupakan tiang kepada amalan agama, seseorang itu mestilah menjauhi dari menjalankan aktiviti perniagaan yang haram. Menjalankan aktiviti muamalat yang halal adalah satu kewajipan agama dalam bidang ekonomi yang penting selepas kewajipan agama. Rasulullah SAW bersabda:

طَلَبُ كَسْبِ الْحَلَالِ فَرِيضَةٌ بَعْدَ الْفَرِيضَةِ

Terjemahan: Mencari pekerjaan yang halal juga merupakan satu kewajipan selepas kewajipan yang makruf.

[*Sunan Baihaqī*, no. hadis: 12030; *Mu'jam Kabīr Ṭabarānī*, no. hadis: 9851, Dinilai *ḍa'īf* oleh al-Albānī]

Islam mengharam aktiviti muamalat seperti perniagaan melibatkan arak, babi, judi, pelacuran, majalah, gambar, kaset dan vcd lucah yang boleh merosakkan akhlak manusia dan mendorong ke arah penzinaan (Daryuwisy, 1989).

5. Kesimpulan

Dari perbincangan tadi dapat disimpulkan bahawa aktiviti muamalat sangat diperlukan dalam kehidupan manusia sebagai hamba dan khalifah di muka bumi. Pelaksanaan aktiviti muamalat ini mesti dihubungkan dengan asas-asas agama iaitu akidah, syariah dan akhlak. Orang yang mempunyai akidah dan iman pasti merasa takut untuk melanggar prinsip-prinsip syariah dalam urusan harta kerana mereka menganggap harta yang dimilikinya adalah sebenarnya harta Allah SWT yang diberikan sebagai amanah yang akan ditanya di akhirat kelak. Untuk menjadikan aktiviti muamalat sebagai satu ibadat, mestilah seseorang itu mengenal pasti aspek halal atau haram sesuatu

aktiviti itu. Aktiviti yang melibatkan perkara yang haram tidak akan diterima oleh Allah dan tidak diberi pahala. Kajian artikel ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti prinsip-prinsip syariah yang menjadi teras dan amalan dalam sistem muamalat Islam. Pengetahuan tentang prinsip-prinsip itu akan dapat dijadikan kayu ukur dalam pengamalan sistem muamalat yang berlandaskan tuntutan hukum syarak yang sebenar. Daripada hasil kajian yang dilaksanakan, dapatlah dirumuskan bahawa prinsip-prinsip syariah yang menjadi prinsip dalam sistem muamalat Islam adalah selari dengan ketetapan syarak dan ia perlu menjadi suatu panduan dalam penyusunan semua urusan yang berkaitan dengan ekonomi dan kewangan khususnya dalam hal-hal berkaitan dengan urusan ekonomi umat Islam. Pengamalan prinsip-prinsip syariah dalam sistem muamalat sangat memberikan kebaikan kepada umat Islam sama ada dari sudut material, mahupun dari sudut pengabdian diri kepada Allah SWT. Kajian-kajian selepas ini boleh memfokuskan penilaian pengamalan prinsip syariah dalam setiap sistem ekonomi Islam secara lapangan, sama ada sudah bertepatan dengan sistem muamalat Islam atau masih perlu ditambah baik lagi. Ini bagi memastikan sistem ekonomi umat Islam terus konsisten di atas sistem muamalat Islam yang patuh syariah.

Rujukan

- Ab. Ghani, A. M. (1999). *Sistem Kewangan Islam Dan Perlaksanaannya Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Abdullah, A. (2009). Fiqh lestari: Ke arah penyusunan prinsip-prinsip muamalat Islam untuk pembangunan lestari yang sepadu. *Journal Malim*, 10.
- Ahmad, H. (1998). *Musnad Ahmad bin Hanbal*. Riyadh: Bayt al-Afkār al-Dawliyyah.
- Al-Albānī, M. N. (1988). *Ṣaḥīḥ al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ wa Ziyadatuh*. Beirut: al-Maktab al-Islāmī.
- Al-Albānī, M. N. (2000). *Ṣaḥīḥ al-Targhīb wa al-Tarhīb*. Riyāḍ: Maktabah al-Ma'ārif.
- Al-Bukhārī, M. I. (1998). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Semakan: Abū Ṣuhayb al-Karamī. Riyadh: Bayt al-Afkār al-Dawliyyah.
- Al-Syātibī, I. M. (1997). *Al-Muwāfaqāt*. Taḥqīq: Masyhūr bin Ḥasan. Saudi: Dār Ibn 'Affān.
- Al-Zuhaylī, W. (1989). *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*. Damsyīq: Dār al-Fikr.
- Badrān, A. A. (1973). *Al-Syari'ah al-Islāmiyyah*. Iskandariah: Maṭba'ah Mim Kaf.
- Baharom, N. Ed. (2000). *Kamus Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Borham, A. J. (1999). *Sains Muamalah Islam Di Malaysia*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Budiono, A. (2017). Penerapan prinsip syariah pada lembaga keuangan syariah. *Law and Justice*, 2(1), 54-65.
- Daryuwisy, A. Y. (1989). *Aḥkām al-Sūq fī al-Islām wa Atharuhā fī al-Iqtisād al-Islāmī*. Riyāḍ: Dār al-'Ālam al-Kutub li al-Nashri wa al-Tauzī'.
- Daud, M. (1994). *Perniagaan Menurut Islam*. Cheras: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ghazaly, A. R., Ihsan, G., Shidiq, S. (2010). *Fiqh Muamalat*. Jakarta: Perpustakaan Nasional.
- Habibullah, E. S. (2018). Prinsip-prinsip Muamalah dalam Islam. *Ad-Deenar: Jurnal Ekonomi dan Bisnis Islam*, 2(01), 25-48.

- Haron Din, *et. al.* (1988). *Manusia dan Islam*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn. Bhd.
- Khallāf, A. W. Ed. (1950). *'Ilm Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*. Kaherah: Maṭba'ah al-'Aṣr.
- Madkhūr, M. S. (1964). *Madkhal al-Fiqh al-Islāmī*. Kaherah: al-Dār al-Qawmiyyah.
- Mansor, M. (1984). *Undang- undang Perdagangan Dalam Islam*. Kuala Lumpur: Al-Haramain Sdn. Bhd.
- Muslim, H. (1998). *Ṣaḥīḥ Muslim*. Riyāḍ: Bayt al-Afkār al-Dawliyyah.
- Nasri, M., Naiimi, N., Shuib, M. S. (2020). *Mengurus Harta Menurut Fiqh Muamalat*. Kedah: UUM Press.
- Othman, S. H., Abdullah, M. S. Y., Zakaria, R. M. A., & Hanafiah, M. G. (2019). Aspek Muamalat Dalam Kitab Mir'at Al-Thullab Karya Shaykh Abdul Rauf Ali Al-Singkili. *Jurnal Ulwan*, 4(1), 1-13.
- Qaraḍāwī, Y. (1969). *Al-Ḥalāl wa al-Ḥarām fī al-Islām*. Lubnan: Al-Maktab al-Islām.
- Rukaini, A. R. & Yaacob, M. A. (2001). *Muamalat Teras Pembangunan Sosio-Ekonomi*, Semenyih: Synergymate Sdn. Bhd.
- Salamon, S. (1992). *Perniagaan Menurut Pandangan Islam*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Syibir, M. U. (1999). *Al-Mu'āmalāt al-Māliyyah al-Mu'āṣirah fī al-Fiqh al-Islāmī*, Jordan: Dār al-Nafā'is.
- Tho'in, M. (2016). Kompetensi Sumber Daya Manusia Bank Syariah Berdasarkan Prinsip-Prinsip Syariah Islam (Studi Kasus Pada BNI Syariah Surakarta). *Jurnal Ilmiah Ekonomi Islam*, 2(03).
- Wafa, S. M. G. et. al. (2001). *Pengantar Perniagaan Islam*. Kuala Lumpur: Univision Press Sdn Bhd.
- Yusoff, M. F. M. (2015). *Wacana Muamalat Dalam Kerangka Sistem Ekonomi Konvensional*. Tesis PhD. Serdang: Universiti Putra Malaysia.